

UPM capai indeks KPI

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mengorak langkah pemantapan Pelan Strategik 2011-2013 dengan mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) sebanyak 92.74 peratus daripada sasaran bagi tahun 2011.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Radin Umar Radin Sohadi berkata, kejayaan itu disumbangkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang terus berkembang di sektor pengurusan dan akademik UPM.

Ia meliputi akademik sebanyak 89.33 peratus, penyelidikan dan inovasi (92.61 peratus), hal ehwal pelajar (95.60 peratus), jaringan industri dan masyarakat (100 peratus), sumber manusia (76.89 peratus), pengurusan kewangan (80 peratus) dan perkhidmatan perustakaan (96.29 peratus).

"Kejayaan itu hasil pengubalan KPI Naib Canselor dengan 42 petunjuk yang menekankan orientasi berasaskan hasil, memperturunkan KPI Naib Canselor kepada KPI JPU, dekan, pengarah dan kakitangan melalui mekanisme perkongsian dan kajian semula KPI Naib Canselor setiap tiga bulan.

"Saya harap KPI dapat ditingkatkan dengan motivasi dan produktiviti yang lebih mencabar," katanya pada majlis perutusan Naib

Canselor Mengurus Prestasi Tinggi 2012

baru-baru ini.

Radin Umar berkata, bagi memperincikan pencapaian berkenaan dalam sektor akademik, pencapaian UPM perlu ditingkatkan bagi diiktiraf sebagai Universiti Terkemuka atau Tier 6 dalam Penilaian SETARA 2011 berbanding Tier 5 pada 2009.

"Inisiatif UPM melaksanakan *Test on Communication in English* ke atas pelajar telah membuahkan hasil apabila UPM mencapai 86.15 peratus komunikasi berbahasa Inggeris berbanding 78.36 peratus pada 2010," katanya.



MENSASARKAN dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian graduan UPM sudah memperolehi pekerjaan.

Selain itu, UPM mencapai 43.95 peratus kemasukan pelajar cemerlang peringkat Bachelor dengan CGPA 3.5 berbanding 30.25 peratus pada 2010.

Bagi peringkat pengajian siswazah, pengeluaran 369 graduan PhD berbanding sasaran 300 pada tahun 2010 adalah tertinggi dalam negara.

Beliau menambah, sebanyak 75.3 peratus graduan UPM mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi berbanding 74.1

peratus pada tahun 2010.

"Bagi sektor pengurusan kewangan pula, UPM berjaya memperolehi RM42.3 juta berbanding RM37.3 juta pada 2010," katanya.

Selain itu, katanya, UPM dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam proses melaksanakan Blue Ocean Strategy untuk mentransformasikan Hospital Serdang sebagai Hospital Pengajaran berautonomi penuh dan ditadbir secara bersama.